

14/10/2003

PM digelar arkitek Putrajaya

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam diberi penghargaan sebagai arkitek Putrajaya kerana usahanya membangunkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu sehingga menjadikannya bandar raya taman pintar.

Penghargaan itu diberikan oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd, pihak berkuasa tempatan Putrajaya dan pemajunya pada majlis jamuan teh khas yang turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Hotel Shangri-La di sini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir diberikan dua buku *The Making of Putrajaya: The Developers Perspective (1995-2002)* dan *Bridges of Putrajaya*.

Buku *The Making of Putrajaya* mengimbas pencapaian Putrajaya Holdings sebagai pemajunya setakat ini serta dokumen kemajuan kerja yang sedang dilakukan.

Ia memaparkan sejarah pembangunan pembinaan Putrajaya sebagai bandar raya taman pintar bertaraf dunia yang kini menjadi kebanggaan negara.

Buku *Bridges of Putrajaya* memaparkan butiran pembinaan lapan jambatan sebagai mercu tanda Putrajaya.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah diberi penghormatan menyingkap tirai kedua-dua buku itu sebelum menyaksikan pameran lukisan pemandangan sekitar Putrajaya.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam; Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings, Datuk Mohamad Othman Zainal Azim.

Dalam ucapannya, Pengerusi Putrajaya Holdings, Datuk Mohd Hashim Hassan, berkata majlis itu dan penerbitan kedua-dua buku berkenaan adalah tanda penghargaan kepada Dr Mahathir kerana kepemimpinannya serta panduan yang diberikan selama ini dalam pembangunan Putrajaya.

"Putrajaya bukan saja menjadi pusat pentadbiran baru negara, malah mempamerkan kreativiti, teknologi, kebudayaan, warisan dan kecantikan semula jadi bandar raya taman pintar oleh rakyat Malaysia.

"Kita ingin merayakan semangat *The Making of Putrajaya* dengan memberi penghargaan kepada Dr Mahathir yang membangunkan Putrajaya dengan penuh kreatif dan berwawasan," katanya.